

PEJABAT DAERAH BATU PAHAT

PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI

1. **PENGURUSAN INDUSTRI HIBURAN DAN MINUMAN KERAS**



PEJABAT DAERAH BATU PAHAT PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI

1. PENGURUSAN INDUSTRI HIBURAN DAN MINUMAN KERAS

FAKTA UTAMA

Dasar Pelan Pembangunan Mampan Johor (PPMJ 2030) 1 Oktober 1998 Enakmen Hiburan dan Tempat Hiburan Dikuatkuasakan 1 Julai 2021 Pindaan Akta Eksais 1976	Menetapkan visi untuk memacu Negeri Johor ke arah negeri berdaya saing melalui pembangunan mampan dan dinamik RM3.31 juta Jumlah Kutipan Hasil Pejabat Daerah Batu Pahat dan Pejabat Daerah Kota Tinggi untuk Lesen Hiburan dan Minuman Keras (2018 hingga 2021)	Strategi Kerajaan Negeri untuk memperkasa sektor ekonomi melalui pelancongan. 225 Pelesen Bilangan Pelesen Hiburan dan Minuman Keras yang Diluluskan (2018 Hingga 2021) oleh Pejabat Daerah Batu Pahat dan Pejabat Daerah Kota Tinggi
Bahagian Pelesenan, Pejabat Daerah Batu Pahat dan Pejabat Daerah Kota Tinggi	Memproses dan mengeluarkan lesen yang berkaitan di dalam daerah mengikut prosedur yang telah ditetapkan melalui Akta, Enakmen, peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa.	
Lesen Hiburan	Merujuk Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 (EHDTH) yang terdiri daripada Lesen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan, Lesen <i>Billiard/Snooker</i> dan Lesen Hiburan Sementara.	
Lesen Minuman Keras	Lesen Minuman Keras tertakluk di bawah Akta Eksais 1976 Pindaan 1 Julai 2021 merujuk kepada <i>liquor</i> yang memabukkan.	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 (PPMJ 2030) yang telah disediakan pada tahun 2018 menetapkan visi untuk memacu negeri Johor ke arah negeri berdaya saing melalui pembangunan mampan dan dinamik. Pembangunan mampan merangkumi tiga skop iaitu mampan ekonomi, mampan fizikal dan mampan sosial. Perkembangan industri hiburan di negeri Johor adalah sebahagian daripada strategi ke-10 PPMJ 2030 iaitu memperkasakan industri pelancongan. Ini adalah selaras dengan dasar memperkasakan sektor ekonomi di negeri Johor di bawah teras yang ketiga.

1.2. Merujuk kepada Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 (EHDTH), hiburan adalah termasuk lakonan, opera, persembahan muzik, pertunjukan bunga api, pameran barang, wayang gambar, meja pin dan permainan video serta apa-apa kombinasi mana-mana bentuk hiburan. EHDTH menetapkan tempat hiburan merujuk kepada mana-mana tempat yang di atasnya ada apa-apa binaan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan sama ada sementara atau kekal dicadangkan hendak diadakan dan orang ramai dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran dan termasuklah sesuatu taman hiburan.

1.3. Permohonan lesen hiburan dan minuman keras di negeri Johor di kawal selia oleh Bahagian Pelesenan Pejabat Daerah di setiap daerah. Kelulusan lesen dikeluarkan oleh Jawatankuasa Keselamatan Negeri (JKKN) setelah mendapat pandangan daripada Jabatan Teknikal seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi kerajaan yang berkaitan. Kelulusan lesen diberi bergantung kepada faktor tempat, jenis aktiviti, peralatan digunakan dan keluasan premis.

1.4. Antara aktiviti perniagaan yang memerlukan lesen hiburan ialah bowling, dewan tarian, *pool*, pusat hiburan keluarga, karaoke, *liveband*, *pub*, taman tema, panggung wayang dan *snooker*. Sebahagian tempat hiburan juga ada menjual minuman keras yang terdiri daripada *liquor* yang memabukkan. Bagi penjualan minuman keras, setiap penjual perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) (Pindaan) 2014 untuk mendapatkan lesen menjual minuman keras. Aktiviti utama pengurusan lesen hiburan dan minuman keras ialah memproses permohonan, mengakaunkan bayaran lesen dan menjalankan penguatkuasaan pematuhan syarat lesen serta tempat-tempat hiburan dipatuhi. Kategori dan kadar lesen hiburan dan minuman keras di Negeri Johor adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KATEGORI DAN KADAR LESEN HIBURAN DAN MINUMAN KERAS DI NEGERI JOHOR

KATEGORI LESEN	JENIS LESEN	KADAR HARGA (RM)	TEMPOH
Lesen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan	Panggung Wayang Tayangan Pertama	10	1 Hari
	Panggung Wayang Tayangan Kedua dan seterusnya	5	
	Panggung Wayang Tayangan Tengah Malam	20	
	Tayangan Tambahan	5	
	4 Pertunjukan	25	1 Bulan
	3 Pertunjukan	20	
	2 Pertunjukan	15	
	1 Pertunjukan	10	
	Pertunjukan Tayangan Tengah Malam	20	
	<i>Juke Box</i> (Seunit)	10	1 Bulan
	<i>Bowling</i> (Selorong)	100	1 Bulan
	Muzik Tari Menari (Kelab Malam)	50	1 Hari
	Lanjutan Masa Tari Menari Selepas 12 Tengah Malam	25	1 Jam
	Karaoke (Sebilik/Setapak/Per Hall)	10	1 Hari
	Lanjutan Masa Karaoke Selepas 12 Tengah Malam	10	1 Jam
	Permainan Kanak-Kanak (<i>Kiddy Rides</i>)	10	1 Bulan
	Muzik/ <i>Live Band</i>	10	1 Hari
	Lanjutan Masa Muzik/ <i>Live Band</i> Selepas 12 Tengah Malam	10	1 Jam
Lesen <i>Billiard</i> / <i>Snooker</i>	<i>Billiard</i> / <i>Snooker</i> (Semeja)	100	1 Bulan
Lesen Hiburan Sementara	Wayang Cina/Sembahyang/Jamuan Makan	20	1 Hari
	Konsert/Nyanyian/Pestaria/ <i>Funfair</i> /Pameran/Sarkis Pertunjukan/Pentas Karnival Hiburan	10	

KATEGORI LESEN	JENIS LESEN	KADAR HARGA (RM)	TEMPOH
Lesen Minuman Keras	Rumah Awam Kelas Satu	2,640	12 Bulan
	Rumah Awam Kelas Dua	1,920	
	Rumah Awam Kelas Tiga	1,320	
	Lanjutan Masa Rumah Awam	60	1 Jam
	Rumah <i>Bir</i>	1,320	12 Bulan
	Lanjutan Masa Rumah <i>Bir</i>	30	1 Jam
	Lesen Peniaga Borong	1,080	12 Bulan
	Lesen Kedai Runcit	840	12 Bulan

Sumber: Kaedah Panggung Wayang dan Tempat Permainan Raya 1959 dan Panduan Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Akta Eksais 1976 Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) (Pindaan) 2014

1.5. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, jumlah kutipan hasil dan bilangan lesen hiburan dan minuman keras yang telah diluluskan di negeri Johor adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KUTIPAN HASIL DAN BILANGAN LESEN HIBURAN DAN MINUMAN KERAS YANG TELAH DILULUSKAN DI NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021

KATEGORI LESEN	TAHUN 2018		TAHUN 2019		TAHUN 2020		TAHUN 2021	
	KUTIPAN HASIL (RM Juta)	BIL. LESEN	KUTIPAN HASIL (RM Juta)	BIL. LESEN	KUTIPAN HASIL (RM Juta)	BIL. LESEN	KUTIPAN HASIL (RM Juta)	BIL. LESEN
Lesen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan	4.13	1,221	4.51	1,126	2.26	601	0.44	513
Lesen Hiburan Biiliard	0.19	35	0.22	54	0.16	30	0.14	37
Lesen Hiburan Sementara	0.11	657	0.13	761	0.02	119	0.01	13
Lesen Minuman Keras	2.33	1,156	2.36	1,013	2.24	1,332	1.56	986
JUMLAH KESELURUHAN	6.76	3,069	7.22	2,954	4.68	2,082	2.15	1,549

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan lesen hiburan dan minuman keras bagi industri hiburan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Ini bertujuan untuk mencapai objektif memperkasakan industri hiburan dan mempertingkatkan ekonomi negeri Johor melalui sektor pelancongan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan yang dijalankan terhadap industri hiburan di daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi menumpukan kepada aktiviti pengurusan lesen hiburan dan minuman keras bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021. Aktiviti pengurusan lesen hiburan dan minuman keras dipilih kerana aktiviti ini merupakan aktiviti utama kegiatan industri hiburan. Liputan Audit mencakupi dua bidang utama iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti lesen bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021.

3.2. Pengauditan dijalankan di Bahagian Pelesenan Pejabat Daerah Batu Pahat (PDBP) dan Pejabat Daerah Kota Tinggi (PDKT) kerana kedua-dua daerah tersebut telah mencatat kutipan hasil tertinggi di negeri Johor secara keseluruhan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021. Lesen hiburan yang dipilih sebagai sampel pengauditan ialah lesen panggung wayang dan tempat hiburan, lesen hiburan *billiard/snooker* dan lesen hiburan sementara. Manakala, sampel lesen minuman keras pula melibatkan lesen rumah awam kelas satu (RAK 1), rumah awam kelas dua (RAK 2), rumah awam kelas tiga (RAK 3), peniaga borong dan kedai runcit.

3.3. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan kepada pencapaian output dan keberhasilan. Pencapaian output meliputi prestasi kutipan hasil, prestasi kelulusan permohonan, prestasi pembaharuan dan prestasi tempoh masa kelulusan lesen hiburan dan minuman keras. Pencapaian keberhasilan pula dilihat daripada peningkatan jumlah pelancong ke negeri Johor. Selain itu, aspek sumbangan peluang pekerjaan kepada penyanyi dan pemuzik tempatan serta pendapatan kepada penerbit filem tempatan juga diperoleh bagi tujuan menilai pencapaian keberhasilan. Soal selidik turut diedarkan kepada orang awam berkaitan dengan kajian kepuasan pelanggan terhadap operasi premis industri hiburan dari aspek keselesaan dan ketenteraman awam. Bagi pengurusan aktiviti pula, penilaian dibuat terhadap pengoperasian premis, pengeluaran lesen, tindakan penguatkuasaan dan deposit bagi kelulusan lesen.

3.4. Bagi tujuan pengauditan, pihak Audit telah menyemak sebanyak 96 (42.7%) daripada 225 fail pelesen hiburan dan minuman keras bermula daripada proses permohonan sehingga lesen diluluskan seperti dalam **Jadual 3**. Pihak Audit juga telah membuat lawatan dan pemeriksaan fizikal melibatkan 41 premis hiburan di daerah Batu Pahat dan 21 premis di daerah Kota Tinggi.

JADUAL 3
BILANGAN FAIL LESEN HIBURAN DAN MINUMAN KERAS YANG DISEMAK
SERTA LAWATAN FIZIKAL BAGI TUJUAN PENGAUDITAN

DAERAH	BILANGAN FAIL KESELURUHAN		BILANGAN FAIL YANG DISEMAK		
	HIBURAN	MINUMAN KERAS	HIBURAN	MINUMAN KERAS	PERATUS (%)
Batu Pahat	41	110	21	29	33.1
Kota Tinggi	21	53	18	28	62.2
JUMLAH	62	163	39	57	
JUMLAH KESELURUHAN	225		96		42.7

Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis data, rekod, fail dan dokumen berhubung pengurusan lesen hiburan dan minuman keras. Selain itu, lawatan fizikal audit juga dilakukan ke premis pemilik lesen hiburan yang dipilih. Lawatan ini melibatkan pegawai PDBP, PDKT dan pegawai penguatkuasa Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP), Majlis Daerah Yong Peng (MDYP), Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) dan Majlis Perbandaran Pengerang (MPP).

4.2. Perbincangan dan temu bual bersama pemilik premis serta pegawai yang bertanggungjawab turut diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Pihak Audit juga telah mengedarkan 200 borang soal selidik kepada orang awam bagi tujuan mendapatkan maklum balas berkaitan operasi premis hiburan dan minuman keras. Pengesahan dengan PBT dan PDRM secara bertulis juga telah diperoleh bagi pengesahan maklumat untuk tujuan pelaporan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Jun hingga Disember 2021. Penemuan Audit dan maklum balas daripada PDBP dan PDKT telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 13 Februari 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Prestasi Kutipan Hasil Lesen Hiburan dan Minuman Keras

- a. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor mengenai panduan penyediaan belanjawan kerajaan negeri yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor pada setiap tahun telah menetapkan sasaran kutipan hasil hendaklah disediakan berdasarkan pencapaian kutipan hasil pada tahun sebelumnya. Semakan Audit mendapati sasaran kutipan hasil bagi lesen hiburan dan minuman keras telah disediakan oleh PDBP dan PDKT bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021. Bagi tempoh tersebut, sejumlah RM3.31 juta (67%) kutipan hasil lesen hiburan dan minuman keras telah dikutip berbanding sasaran sejumlah RM4.94 juta seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PRESTASI KUTIPAN HASIL LESEN HIBURAN DAN MINUMAN KERAS
BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2021
DI DAERAH BATU PAHAT DAN KOTA TINGGI


TAHUN	SASARAN (RM Juta)	KUTIPAN HASIL (RM Juta)	PRESTASI KUTIPAN (%)
PEJABAT DAERAH BATU PAHAT			
2018	0.88	0.71	80.7
2019	0.92	0.66	71.7
2020	0.92	0.42	45.7
2021	0.72	0.25	34.7
JUMLAH	3.44	2.04	59.3
PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI			
2018	0.22	0.33	150.0
2019	0.39	0.47	120.5
2020	0.45	0.26	57.8
2021	0.44	0.21	47.7
JUMLAH	1.50	1.27	84.7
JUMLAH KESELURUHAN	4.94	3.31	67.0

Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi

- b. Berdasarkan **Jadual 4**, pihak Audit mendapati **prestasi kutipan hasil lesen bagi PDBP tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2018 hingga 2021 manakala kutipan hasil lesen di PDKT tidak mencapai sasaran bagi tahun 2020 dan 2021**. Pada tahun 2020 dan 2021 kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan sebahagian premis perniagaan tidak dibenarkan beroperasi. Namun pihak Audit mendapati PDBP dan PDKT masih meletakkan sasaran yang tinggi bagi kedua-dua tahun tersebut.

- c. Analisis Audit selanjutnya mendapati prestasi kutipan lesen hiburan dan minuman keras PDBP pada tahun 2019 menurun sejumlah RM46,925 (9%) berbanding tahun 2018. Prestasi ini semakin menurun dalam tempoh dua tahun berikutnya iaitu RM417,829 (45.7%) pada tahun 2020 dan RM252,184 (34.7%) pada tahun 2021.
- d. **Analisis Audit juga mendapati prestasi kutipan lesen hiburan dan minuman keras bagi PDKT pada tahun 2018 dan 2019 telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu RM326,260 (150%) pada tahun 2018 dan RM473,725 (120.5%) pada tahun 2019.** Perkara ini disebabkan pada tahun 2018, sebuah premis hiburan yang baru dibuka telah membuat permohonan lesen hiburan dan minuman keras yang menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil pada tahun tersebut. Bagaimanapun, kutipan lesen hiburan dan minuman keras bagi tahun 2020 dan 2021 menurun kepada RM259,417 (57.8%) dan RM210,056 (47.7%). Butiran lanjut seperti dalam **Carta 1.**

CARTA 1
SASARAN DAN KUTIPAN HASIL LESEN HIBURAN DAN MINUMAN
KERAS PEJABAT DAERAH BATU PAHAT DAN KOTA TINGGI
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021



Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi

- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati, pada tahun 2020, Mesyuarat Majlis Kerajaan Johor (MMK) telah memberikan pengecualian bayaran lesen hiburan kepada pengusaha kelab malam yang tidak dibenarkan beroperasi di bawah PKP untuk tempoh enam bulan bermula dari Julai hingga Disember 2020. Perkara ini menyumbang penurunan kutipan hasil lesen hiburan pada tahun 2020.

Maklum Balas PDBP yang Diterima pada 22 Disember 2021, 13 Februari 2022 dan 1 Mac 2022

Penyediaan bajet anggaran hasil bagi kutipan lesen merujuk kepada kutipan hasil sebenar pada tahun sebelum dan tahun semasa serta buku permit lesen yang telah dikeluarkan. Selain itu, unjuran hasil dibuat dengan mengambil kira premis yang ditutup dan PKP yang telah dilaksanakan pada tahun 2020.

Maklum Balas PDKT yang Diterima pada 13 Februari 2022 dan 9 Mac 2022

Anggaran hasil berdasarkan kepada trend terimaan hasil tahun sebelum dan jumlah permohonan yang diterima pada tahun semasa. Anggaran kutipan lesen disediakan berdasarkan semua lesen sedia ada. Untuk tahun 2021, pelaksanaan PKP dianggap sebagai faktor yang mempengaruhi kutipan hasil lesen hiburan.

Pendapat Audit | **Prestasi kutipan lesen hiburan secara keseluruhannya dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021 bagi PDBP adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan.**

5.1.1.2. Prestasi Kelulusan Permohonan Lesen

- a. PDBP dan PDKT memproses permohonan lesen hiburan yang diterima untuk kelulusan. Kelulusan adalah berdasarkan permohonan yang diterima pada setiap tahun. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, PDBP dan PDKT telah menerima 130 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 44 (33.8%) permohonan adalah untuk lesen hiburan dan 86 (66.2%) untuk permohonan lesen minuman keras.
- b. Pihak Audit mendapati daripada 130 permohonan yang diterima dari tahun 2018 hingga 2021, sebanyak 20 (45.5%) daripada 44 permohonan lesen hiburan telah diluluskan oleh PDBP dan PDKT iaitu masing-masing sebanyak 10 lesen hiburan. Manakala 58 (67.4%) daripada 86 permohonan lesen minuman keras telah diluluskan iaitu 24 lesen oleh PDBP dan 34 lesen oleh PDKT.
- c. Sebanyak 52 permohonan lesen hiburan dan minuman keras telah ditolak iaitu 24 lesen hiburan dan 28 lesen minuman keras. Pihak Audit juga mendapati **prestasi kelulusan lesen hiburan dan minuman keras bagi PDBP**

dan PDKT telah menurun pada tahun 2020 disebabkan permohonan lesen hiburan dan minuman keras ditolak kerana tidak mendapat kelulusan PDRM. Butiran lanjut mengenai jumlah kelulusan adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
JUMLAH PERMOHONAN DAN KELULUSAN LESEN HIBURAN DAN MINUMAN KERAS
PEJABAT DAERAH BATU PAHAT DAN KOTA TINGGI
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021

PEJABAT DAERAH BATU PAHAT	TAHUN	LESEN HIBURAN			PRESTASI KELULUSAN (%)
		MOHON	LULUS	TOLAK	
	2018	2	1	1	50.0
PEJABAT DAERAH BATU PAHAT	2019	13	8	5	61.5
	2020	15	0	15	0.0
	2021	1	1	0	100.0
	JUMLAH	31	10	21	32.3
	TAHUN	MINUMAN KERAS			PRESTASI KELULUSAN (%)
		MOHON	LULUS	TOLAK	
	2018	0	0	0	0.0
	2019	34	21	13	61.8
	2020	6	1	5	16.7
	2021	8	2	6	25.0
	JUMLAH	48	24	24	50.0
	JUMLAH KESELURUHAN	79	34	45	43.0
PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI	TAHUN	LESEN HIBURAN			PRESTASI KELULUSAN (%)
		MOHON	LULUS	TOLAK	
	2018	3	3	0	100.0
	2019	4	3	1	75.0
	2020	1	0	1	0.0
	2021	5	4	1	80.0
	JUMLAH	13	10	3	76.9
	TAHUN	LESEN MINUMAN KERAS			PRESTASI KELULUSAN (%)
		MOHON	LULUS	TOLAK	
	2018	16	16	0	100.0
	2019	16	14	2	87.5
	2020	5	3	2	60.0
	2021	1	1	0	100.0
	JUMLAH	38	34	4	89.5
	JUMLAH KESELURUHAN	51	44	7	86.3

Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi

Maklum Balas PDBP yang Diterima pada 13 Februari 2022

Sasaran kelulusan lesen hiburan adalah bergantung kepada permohonan lesen.

Maklum Balas PDKT yang Diterima pada 30 Disember 2021

Permohonan baru yang diterima bergantung kepada pemohon yang ingin membuat permohonan lesen hiburan, permit hiburan serta minuman keras pada tahun tersebut.

Pendapat Audit	Prestasi kelulusan lesen hiburan dan minuman keras yang diterima adalah memuaskan dan telah mengikut proses kerja yang telah ditetapkan.
-----------------------	---

5.1.1.3. Prestasi Pembaharuan Lesen

- a. Merujuk kepada Seksyen 12 EHDTH, sesuatu lesen hendaklah sah selama apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen tetapi tidak boleh melebihi satu tahun. PDBP dan PDKT telah mengeluarkan notis peringatan kepada pemilik lesen untuk memperbaharui lesen hiburan dan minuman keras bagi bulan Januari hingga Jun dan Julai hingga Disember pada setiap tahun.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2021, sebanyak 22 (45.8%) daripada 48 lesen hiburan sedia ada di PDBP telah diperbaharui. Bagaimanapun **26 (54.2%) lesen masih belum diperbaharui sehingga akhir tahun 2021 kerana premis telah ditutup dan tidak beroperasi sejak PKP.** Bagi lesen minuman keras pula, sebanyak 91 (53.5%) daripada 170 lesen minuman keras sedia ada di PDBP telah diperbaharui sehingga tahun 2021. **Terdapat 86 (49.1%) lesen minuman keras tidak diperbaharui kerana premis tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP tersebut.**
- c. Sebanyak 16 (57.1%) daripada 28 lesen hiburan sedia ada di PDKT telah diperbaharui sehingga akhir tahun 2021. Bagaimanapun **12 (42.9%) lesen masih belum diperbaharui kerana premis telah ditutup sepanjang tempoh PKP.** Terdapat 52 (83.9%) daripada 62 lesen minuman keras sedia ada juga telah diperbaharui di PDKT berbanding 13 (21%) pemilik lesen yang tidak memperbaharui lesen minuman keras seperti dalam **Jadual 6.**

JADUAL 6
PRESTASI PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN MINUMAN KERAS DI PEJABAT
DAERAH BATU PAHAT DAN KOTA TINGGI BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021

JENIS LESEN	TAHUN	*BILANGAN SEDIA ADA (a)	LULUS BAHARU TAHUN SEBELUMNYA (b)	PEMBAHARUAN (c)	LESEN TIDAK DIPERBAHARUI (a-c)
PEJABAT DAERAH BATU PAHAT					
Lesen Hiburan	2018	44	0	30	14
	2019	44	1	42	3
	2020	45	8	29	24
	2021	53	0	22	31
Lesen Minuman Keras	2018	154	0	140	14
	2019	154	0	84	70
	2020	154	21	91	84
	2021	175	1	91	86
PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI					
Lesen Hiburan	2018	22	0	0	22
	2019	22	3	3	22
	2020	25	3	6	22
	2021	28	0	16	12
Lesen Minuman Keras	2018	32	0	27	5
	2019	32	16	47	1
	2020	48	14	53	9
	2021	62	3	52	13

Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi

Nota: (*) - Bilangan sedia ada adalah baki dari tahun sebelumnya dan ditambah dengan kelulusan baharu tahun sebelumnya.

- d. Selain itu, pengecualian bayaran lesen hiburan juga diberikan kepada pengusaha kelab malam yang masih tidak dibenarkan beroperasi di bawah PKP untuk tempoh enam bulan bermula dari bulan Julai hingga Disember 2020. Diskaun sebanyak 30 peratus diberikan ke atas lesen hiburan bagi pusat hiburan yang telah dibenarkan beroperasi untuk tempoh enam bulan bermula pada bulan Julai hingga Disember 2020 sebagaimana merujuk kepada surat arahan Pegawai Kewangan Negeri Johor bertarikh 26 November 2020.

Maklum Balas PDBP yang Diterima pada 22 Disember 2021

Premis tidak memperbaharui lesen hiburan kerana telah ditutup dan tidak beroperasi sejak bermula tempoh PKP.

Maklum Balas PDKT yang Diterima pada 30 Disember 2021 dan 3 Februari 2022


Permohonan memperbaharui lesen hiburan menurun pada tahun 2020 dan 2021. Notis Peringatan Memperbaharui Lesen telah dikeluarkan namun terdapat juga pelesen yang tidak memperbaharui lesen tersebut. Hasil susulan mendapati pelesen tiada mendapat sebarang pendapatan bagi premis hiburan kerana aktiviti hiburan tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.

Pendapat Audit	Prestasi pembaharuan lesen hiburan dan minuman keras adalah kurang memuaskan berbanding bilangan lesen sedia ada kerana bilangan yang memperbaharui lesen rendah.
-----------------------	--

5.1.1.4. Prestasi Tempoh Masa Kelulusan Lesen

- a. Latar belakang pemohon dan lokasi premis merupakan kriteria utama yang diberi perhatian oleh PDBP dan PDKT dalam menimbangkan sesuatu permohonan lesen hiburan. Permohonan yang lengkap akan diproses dan dikemukakan kepada Jabatan Teknikal seperti PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Suruhanjaya Tenaga, PBT, Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta mana-mana jabatan yang berkaitan dengan keselamatan bangunan, ketenteraman awam dan lokasi seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
PROSES PERMOHONAN LESEN HIBURAN DAN MINUMAN KERAS



Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi

- b. Bagi permohonan lesen hiburan, ulasan daripada Jabatan Teknikal dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Perakuan jawatankuasa tersebut berserta ulasan daripada Jabatan Teknikal dikemukakan kepada Bahagian Keselamatan Negara Negeri Johor (BKNNJ) untuk dibawa ke JKKN. Setelah memperoleh kelulusan di peringkat JKKN, Pejabat Daerah akan mengeluarkan lesen kepada pemohon lesen dan premis hiburan boleh beroperasi. Sementara itu, bagi lesen minuman keras, ulasan daripada Jabatan Teknikal dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pelesen Arak (LPA) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah untuk tujuan sokongan.
- c. Semakan Audit mendapati **PDBP dan PDKT tidak menetapkan tempoh masa kelulusan lesen hiburan dan minuman keras di dalam mana-mana peraturan. Ini menyebabkan prestasi kelulusan permohonan lesen tidak dapat diukur dengan sewajarnya.**
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, sebanyak 14 lesen hiburan telah diluluskan di PDBP. Dua lesen (14.3%) telah diluluskan dalam tempoh kurang daripada enam bulan, 10 lesen (71.4%) telah diluluskan dalam tempoh enam hingga 24 bulan manakala dua lesen (14.3%) diluluskan melebihi tempoh 24 bulan.
- e. Terdapat 22 lesen hiburan telah diluluskan pada tahun 2018 hingga 2021 di PDKT. Sebanyak 11 lesen (50%) mengambil masa kurang daripada enam bulan untuk diluluskan manakala 11 lesen lagi diluluskan dalam tempoh enam hingga 24 bulan seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
TEMPOH KELULUSAN BAGI PERMOHONAN LESEN HIBURAN

TEMPOH KELULUSAN (BULAN)	BILANGAN PELESEN							
	2018		2019		2020		2021	
	PDBP	PDKT	PDBP	PDKT	PDBP	PDKT	PDBP	PDKT
Kurang 6 bulan	0	10	2	1	0	0	0	0
6 hingga 24 bulan	3	2	6	5	0	0	1	4
Lebih 24 bulan	2	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	5	12	8	6	0	0	1	4

Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi

- f. Semakan juga mendapati bagi tahun 2018 hingga 2021, sebanyak 28 lesen minuman keras telah diluluskan di PDBP. Terdapat tiga lesen (10.7%) mengambil masa kurang daripada enam bulan untuk diluluskan manakala 24 (85.7%) lesen mengambil masa antara enam hingga 24 bulan untuk kelulusan di peringkat Mesyuarat Lembaga Pelesen Arak.
- g. Sementara itu di PDKT, daripada 29 lesen minuman keras yang diluluskan, 27 daripadanya (93.1%) mengambil masa kurang daripada enam bulan untuk diluluskan manakala dua lesen (6.9%) mengambil masa antara enam hingga 24 bulan untuk kelulusan di peringkat Mesyuarat Lembaga Pelesen Arak seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
TEMPOH KELULUSAN BAGI PERMOHONAN LESEN MINUMAN KERAS

TEMPOH KELULUSAN (BULAN)	BILANGAN PELESEN							
	2018		2019		2020		2021	
	PDBP	PDKT	PDBP	PDKT	PDBP	PDKT	PDBP	PDKT
Kurang 6 bulan	0	18	1	9	2	0	0	0
6 hingga 24 bulan	9	0	10	1	3	0	2	1
Lebih 24 bulan	1	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	10	18	11	10	5	0	2	1

Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi

Maklum Balas PDBP yang Diterima pada 22 Disember 2021

Tempoh pemprosesan lesen hiburan dan lesen minuman keras bagi permohonan baru diterima ada di dalam piagam pelanggan dan MyPortfolio jabatan. Walau bagaimanapun, pentadbiran ini juga telah menambah baik proses kerja permohonan lesen hiburan dan lesen minuman keras melalui perekaayaan proses dan prosedur kerja (BPR-Business Process Reengineering) bermula 18 April 2021. Tempoh bagi permohonan lesen minuman keras diproses selama 38 hari bekerja manakala tempoh bagi permohonan lesen hiburan pula diproses selama 40 hari bekerja.

Maklum Balas PDKT yang Diterima pada 30 Disember 2021

Tempoh pemprosesan lesen hiburan dan lesen minuman keras tidak dinyatakan dalam Enakmen dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 (Enakmen No.4 Tahun 1998), Surat Pekeliling Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Bil.1/2006 dan Akta Eksais 1976 dan Peraturan-Peraturan (Akta 176). Pentadbiran akan mengemas kini Piagam Pelanggan, myPortfolio dan SOP Permohonan Lesen/Memperbaharui Lesen dengan memasukkan tempoh pemprosesan permohonan lesen di dalam Prosedur Permohonan Lesen.

Pendapat Audit | Prestasi tempoh kelulusan lesen hiburan dan minuman keras tidak dapat diukur kerana PDBP dan PDKT tidak menetapkan tempoh masa kelulusan lesen hiburan dan minuman keras bagi permohonan baharu yang diterima dalam mana-mana peraturan.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Peningkatan Jumlah Pelancong ke Negeri Johor

- a. Perkembangan industri hiburan di negeri Johor adalah sebahagian daripada strategi ke-10 PPMJ 2030 iaitu memperkasakan industri pelancongan. Ini adalah selaras dengan dasar memperkasakan sektor ekonomi di negeri Johor.
- b. Merujuk kepada Laporan Sosioekonomi Negeri Johor – Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan kedatangan pelawat domestik seramai 14.27 juta pada tahun 2019 dengan peningkatan sebanyak 5.8%. Sementara itu, bilangan kedatangan pelancong ke Johor pada tahun 2019 adalah sebanyak 8.07 juta orang. Jumlah ketibaan pelancong mencatatkan peningkatan sebanyak 3.7% berbanding tahun 2018. Peningkatan jumlah pelawat domestik dan pelancong dari tahun 2018 dan 2019 ke Johor turut disumbangkan oleh projek pembangunan prasarana pelancongan yang berasaskan industri hiburan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
BILANGAN KEDATANGAN PELAWAT DOMESTIK DAN PELANCONG
KE JOHOR PADA TAHUN 2018 HINGGA 2019

JENIS PELAWAT	2018 (Juta)	2019 (Juta)	PENINGKATAN TAHUNAN (%)
Pelawat Domestik	13.49	14.27	5.8
Pelancong	7.78	8.07	3.7

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Johor – Jabatan Perangkaan Malaysia

5.1.2.2. Peluang Pekerjaan Kepada Penyanyi dan Pemuzik Tempatan

- a. Bagi menarik perhatian pengunjung ke premis hiburan, pemilik premis hiburan telah menawarkan perkhidmatan hiburan secara langsung kepada pengunjung. Perkhidmatan ini telah membuka peluang pekerjaan kepada penyanyi dan pemuzik tempatan.

- b. Pada tahun 2018 dan 2019, sebanyak 20 premis hiburan iaitu lapan premis di daerah Batu Pahat dan 12 premis di daerah Kota Tinggi memiliki lesen hiburan *liveband*. Premis hiburan tersebut telah memberi pekerjaan kepada 65 orang penyanyi dan pemuzik di daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi. Bagaimanapun, pada tahun 2020 dan 2021 aktiviti hiburan ini telah ditangguhkan kerana PKP. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
BILANGAN PREMIS HIBURAN BAGI KELULUSAN LESEN *LIVEBAND*
DAN PENGLIBATAN PENYANYI / PEMUZYK

TAHUN	PEJABAT DAERAH BATU PAHAT		PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI	
	BILANGAN PREMIS HIBURAN BAGI LESEN <i>LIVEBAND</i>	BILANGAN PENYANYI / PEMUZYK	BILANGAN PREMIS HIBURAN BAGI LESEN <i>LIVEBAND</i>	BILANGAN PENYANYI / PEMUZYK
2018	4	12	8	25
2019	4	12	4	16
JUMLAH	8	24	12	41

Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi

5.1.2.3. Sumber Pendapatan kepada Penerbit Filem Tempatan

- a. Selain premis hiburan, panggung wayang juga merupakan salah satu daripada aktiviti dalam industri hiburan yang memerlukan lesen hiburan sebelum beroperasi. Kewujudan panggung wayang akan memberikan khidmat tayangan filem tempatan dan luar negara kepada penduduk tempatan.
- b. Penerbit filem tempatan akan menayangkan filem di panggung wayang yang berlesen. Kekerapan jumlah tayangan bagi setiap filem tempatan akan menjana pendapatan kepada pembuat filem tempatan. Mengikut kelaziman persetujuan antara pengusaha panggung wayang dan penerbit filem, jumlah kutipan kasar jualan tiket diberikan 50% kepada pengusaha wayang dan 50% kepada penerbit filem. Pada tahun 2018 dan 2019, sebanyak 55 filem tempatan telah ditayangkan di panggung wayang berlesen di daerah Batu Pahat dengan kutipan kasar jumlah tiket bernilai RM3 juta.
- c. Di daerah Kota Tinggi pula sebanyak 73 filem tempatan telah ditayangkan di panggung wayang berlesen dengan kutipan kasar jualan tiket bernilai RM1.99 juta. Butiran tayangan filem tempatan, jumlah kutipan kasar dan pendapatan kepada penerbit filem adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
JUMLAH FILEM TEMPATAN DAN TAYANGAN DI PANGGUNG WAYANG BERLESEN

TAHUN	JUMLAH PANGGUNG WAYANG	JUMLAH FILEM TEMPATAN	JUMLAH KUTIPAN KASAR (RM Juta)	PENDAPATAN PENERBIT FILEM (50% JUMLAH KUTIPAN KASAR) (RM Juta)
PEJABAT DAERAH BATU PAHAT				
2018	4	27	1.40	0.70
2019	4	28	1.60	0.80
JUMLAH		55	3.00	1.50
PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI				
2018	7	36	1.12	0.56
2019	7	37	0.87	0.44
JUMLAH		73	1.99	1.00

Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi
Nota (*) - Tahun 2020 dan 2021 PKP

5.1.2.4. Kajian Kepuasan Penduduk Tempatan Terhadap Operasi Premis Hiburan

- a. Kajian kepuasan penduduk tempatan terhadap operasi premis hiburan telah dilakukan bagi mengenal pasti keselesaan dan ketenteraman penduduk. Pihak Audit telah mengedarkan 200 borang soal selidik secara rawak bagi mendapatkan maklum balas daripada penduduk tempatan. Sebanyak 177 (88.5%) daripada 200 borang soal selidik telah dikembalikan seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
BILANGAN SOAL SELIDIK YANG DIEDARKAN DAN DIKEMBALIKAN KEPADA PENDUDUK TEMPATAN DI SEKITAR KAWASAN PERUMAHAN BERHAMPIRAN PREMIS HIBURAN BERLESEN DI DAERAH BATU PAHAT DAN KOTA TINGGI


BIL.	KAEDAH EDARAN BORANG SOAL SELIDIK	RESPONDEN	BILANGAN BORANG SOAL SELIDIK		
			DIEDARKAN	TERIMA	PERATUS TERIMA (%)
1.	Atas Talian	Penduduk Tempatan di sekitar kawasan perumahan berhampiran premis hiburan berlesen	130	126	96.9
2.	Serahan Tangan		70	51	72.9
JUMLAH KESELURUHAN			200	177	88.5

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

- b. Sebanyak 130 soal selidik yang diedarkan secara dalam talian adalah menumpukan kepada waktu operasi dan penempatan premis hiburan. Bagi soal selidik berkaitan penempatan premis rumah ibadat dan faktor keselamatan awam, sejumlah 70 soal selidik telah diedarkan kepada penduduk tempatan berhampiran dengan premis hiburan.


- c. Analisis Audit terhadap 177 maklum balas yang diterima meliputi 126 responden atas talian dan 51 responden serahan tangan mendapati perkara seperti berikut:

CARTA 2




Berdasarkan **Carta 2**, seramai 126 responden atas talian telah membuat penilaian terhadap gangguan bunyi sewaktu premis hiburan beroperasi. Seramai 70 responden (55.6%) menyatakan gangguan bunyi mengganggu ketenteraman penduduk setempat manakala 56 responden (44.4%) menyatakan tiada gangguan.

CARTA 3



Berdasarkan **Carta 3**, seramai 126 responden atas talian telah membuat penilaian terhadap penempatan premis hiburan. Seramai 113 responden (89.7%) bersetuju penempatan premis hiburan perlu mengikut zon yang ditetapkan. Baki 13 responden (10.3%) tidak bersetuju penempatan premis hiburan perlu mengikut zon ditetapkan.

CARTA 4



Berdasarkan **Carta 4**, seramai 51 responden serahan tangan telah membuat penilaian terhadap lokasi premis hiburan sama ada telah memberi gangguan terhadap keselesaan dan ketenteraman awam. Seramai 40 responden (78.4%) bersetuju lokasi premis hiburan mengganggu keselesaan dan ketenteraman awam manakala 11 responden (21.6%) tidak bersetuju.

- d. Secara keseluruhannya, sebanyak 110 (62.1%) daripada 177 responden bersetuju operasi dan penempatan premis hiburan telah memberi kesan kepada ketenteraman awam seperti gangguan bunyi bising, berlaku pergaduhan di premis hiburan dan gangguan lalu lintas awam.

Pendapat Audit | **Industri hiburan telah membantu pertumbuhan ekonomi dan pelancongan seperti yang telah digariskan dalam PPMJ 2030. Namun begitu, sebilangan besar penduduk yang tinggal berhampiran dengan premis hiburan tidak bersetuju dengan operasi premis hiburan tersebut yang mengganggu ketenteraman dan keselesaan.**

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Premis Perniagaan Beroperasi Tanpa Lesen

- a. Perenggan 6 (1), EHDTH 1998 menetapkan tiada seorang pun boleh mengadakan hiburan di mana-mana tempat melainkan jika Pegawai Pelesen telah memberikan:
 - i. lesen untuk mengadakan hiburan itu; dan
 - ii. lesen untuk mengadakan hiburan di tempat itu.
- b. Seksyen 32 (1), Peraturan-Peraturan Eksais Lembaga Pelesen 1977, Akta Eksais 1976 telah menetapkan tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan jualan secara runcit apa-apa *liquor* yang memabukkan kecuali sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah bahagian ini.
- c. Perenggan 11 (1) (2) EHDTH 1998, menetapkan tiap-tiap lesen hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen. Mana-mana pemegang lesen yang melanggar mana-mana syarat atau sekatan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi setahun atau keduanya.
- d. Pemeriksaan Audit pada bulan September dan Disember 2021 di 62 premis perniagaan yang dipilih mendapati lapan premis perniagaan di daerah Batu Pahat dan dua premis perniagaan di daerah Kota Tinggi telah beroperasi tanpa lesen. Daripada 10 premis tersebut, sebanyak tujuh premis hiburan telah beroperasi tanpa lesen hiburan dan enam premis tidak mempunyai lesen minuman keras. Selain itu,

pihak Audit mendapati daripada tujuh premis yang tidak mempunyai lesen hiburan, empat premis telah beroperasi melebihi tempoh waktu yang dibenarkan iaitu pada jam 12.00 malam iaitu Premis A,B,C dan D seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
SENARAI PREMIS PERNIAGAAN DI DAERAH BATU PAHAT DAN KOTA TINGGI
YANG BEROPERASI TANPA LESEN DAN TIADA KELULUSAN LANJUTAN MASA

BIL.	ALAMAT PREMIS PERNIAGAAN	JENIS LESEN YANG TIDAK DIPEROLEH		KELULUSAN LANJUTAN MASA
		LESEN HIBURAN	LESEN MINUMAN KERAS	
DAERAH BATU PAHAT				
1.	Premis A Yong Peng, Batu Pahat	Karaoke	Rumah Awam Kelas Satu	Tiada
2.	Premis B Taman Flora Utama, Batu Pahat	Karaoke	Tidak Berkenaan	Tiada
3.	Premis C Batu Pahat	Karaoke	Rumah Awam Kelas Satu	Tiada
4.	Premis D Yong Peng, Batu Pahat	Snooker	Tidak Berkenaan	Tiada
5.	Premis E Batu Pahat	Tidak Berkenaan	Rumah Awam Kelas Satu	Tidak Berkenaan
6.	Premis F Batu Pahat	Snooker	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
7.	Premis G Batu Pahat	Tidak Berkenaan	Arak Runcit	Tidak Berkenaan
8.	Premis H Taman Banang, Batu Pahat	Tidak Berkenaan	Arak Runcit	Tidak Berkenaan
DAERAH KOTA TINGGI				
9.	Premis I Sungai Rengit, Pengerang, Johor	Live Band	Rumah Awam Kelas Satu	Tidak Berkenaan
10.	Premis J Bandar Penawar, Kota Tinggi	Premis Hiburan Keluarga	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan

Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi

- e. Antara sebab premis beroperasi tanpa lesen hiburan dan minuman keras adalah kerana tiada unit penguatkuasaan yang khusus diwujudkan di PDBP dan PDKT. Penguatkuasaan ke atas premis hanya dibuat sekiranya PDBP dan PDKT menerima laporan atau aduan.
- f. Lawatan Audit di dua premis daerah Kota Tinggi pula mendapati kedua-dua premis beroperasi tanpa lesen hiburan dan minuman keras. **Semakan Audit mendapati sebuah daripada premis tersebut tidak mempunyai rekod permohonan lesen hiburan di PDKT sehingga tarikh lawatan Audit. Premis tersebut juga tidak mendapat lesen perniagaan daripada Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) kerana premis ini belum memiliki kelulusan Sijil Kebenaran Menduduki (CCC) Bangunan.**

- g. Selepas teguran Audit, pihak PDKT telah mengeluarkan notis peringatan membuat permohonan baharu lesen hiburan dan minuman keras kepada premis tersebut pada 19 Disember 2021. **Bagaimanapun sehingga 22 Februari 2022, hasil pemeriksaan yang telah dijalankan oleh Bahagian Pelesenan MPP mendapati premis tersebut masih beroperasi tanpa lesen hiburan dan minuman keras. Kesannya PDKT tidak dapat mengutip hasil lesen hiburan dan minuman keras yang dianggarkan berjumlah RM25,160 seperti dalam Jadual 14.**

JADUAL 14
ANGGARAN HASIL LESEN HIBURAN DAN MINUMAN KERAS
YANG TIDAK DAPAT DIKUTIP OLEH PDKT

JENIS LESEN	TEMPOH (HARI/TAHUN)	KADAR HARGA (RM)	TEMPOH PENGAUDITAN 2018-2021	JUMLAH (RM)
<i>Live Band</i>	1 hari	10	4	14,600
Rumah Awam Kelas Satu	1 tahun	2,640	4	10,560
JUMLAH KESELURUHAN				25,160

Sumber: Jabatan Audit Negara

- h. Manakala sebuah lagi premis merupakan premis hiburan keluarga (PHK) di Kota Tinggi. **Permohonan pemilik premis tersebut untuk memperbaharui lesen hiburan PHK tidak diluluskan oleh PDKT.** Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **premis perniagaan masih lagi beroperasi.**

Maklum Balas PDBP yang Diterima pada 28 April 2022

PDBP telah mengeluarkan surat amaran kepada premis A, B, C, D, E, G dan H yang beroperasi tanpa lesen hiburan dan beroperasi melebihi tempoh waktu yang dibenarkan. Premis diberi peringatan supaya menghentikan operasi dan mengemukakan permohonan baharu kepada pentadbiran PDBP.

Maklum Balas PDKT yang Diterima pada 30 Disember 2021, 3 Februari 2022 dan 9 Mac 2022

Pihak PDKT telah mengeluarkan notis peringatan kepada premis I pada 13 Disember 2021 supaya mengemukakan permohonan baharu lesen hiburan dan lesen arak ke pentadbiran pada 19 Disember 2021. Notis Peringatan juga telah dikeluarkan

kepada premis J (PHK) agar aktiviti hiburan keluarga tersebut ditutup berkuatkuasa tarikh surat dikeluarkan pada 26 Januari 2022. Hasil lawatan ke premis pada 10 Februari 2022 bersama MPP mendapati premis telah ditutup. Hasil lawatan pemeriksaan premis I oleh Bahagian Perlesenan MPP pada 22 Februari 2022 mendapati premis I masih beroperasi tanpa Sijil Kebenaran Menduduki (CCC).

Pendapat Audit | **Pengeluaran lesen hiburan dan minuman keras bagi membolehkan premis hiburan beroperasi secara sah tidak tercapai sepenuhnya disebabkan terdapat premis hiburan beroperasi tanpa lesen hiburan dan minuman keras.**

5.2.2. Premis Beroperasi di Luar Zon Ditetapkan

- a. Perenggan 5.4 Surat Pekeliling Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Bil. 1/2006 bagi syarat permohonan lesen menetapkan premis perniagaan yang dicadangkan hendaklah di kawasan kompleks membeli belah, hotel, *resort*, dan jika di rumah kedai hendaklah jauh daripada rumah kediaman, sekolah dan rumah ibadat. Selain itu pengwujudannya tidak menimbulkan masalah lalulintas dan dicadangkan berada dalam zon hiburan.
- b. Merujuk kepada Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Batu Pahat 2030 (Penggantian), premis hiburan yang dibenarkan dalam Blok Perancangan Kecil (BPK) 1.1, Bandar Penggaram ialah *snooker*, pusat hiburan keluarga, gelanggang sukan, pusat bowling, pawagam serta kelas kebudayaan dan kesenian. Manakala aktiviti pusat hiburan *bar*, *pub*, disko dan *karaoke* adalah tidak dibenarkan.
- c. Semakan Audit mendapati **lesen hiburan karaoke dan minuman keras yang dikeluarkan oleh PDBP kepada premis K adalah bertentangan dengan Surat Pekeliling Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Bil. 1/2006 dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Batu Pahat 2030 (Penggantian). Dalam hal ini, tiada koordinasi yang jelas antara PDBP dan MPBP dalam proses pengeluaran lesen hiburan dan penempatan lesen perniagaan.**
- d. Lawatan fizikal Audit mendapati premis K terletak berhadapan dengan rumah ibadat dengan jarak 200 meter dan dalam kawasan zon yang tidak dibenarkan beroperasi seperti dalam **Gambar 1** dan **2**.

GAMBAR 1



Premis K
Jalan Seluang, Taman Banang Batu Pahat
- Premis Hiburan Berhadapan Rumah Ibadat
(07.12.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



- Lokasi Premis K di Luar Zon Hiburan
(10.12.2021)
(Sumber: Majlis Perbandaran Batu Pahat)

Maklum Balas PDBP yang Diterima pada 1 Mac 2022

PDBP telah menghantar surat kepada MPBP pada 21 Februari 2022 dan mengesahkan bahawa premis tersebut terletak dalam kawasan zon yang tidak dibenarkan beroperasi. MPBP berpandangan lesen pusat hiburan sementara yang telah diberikan perlu dikaji semula supaya diselaraskan dengan RTD Batu Pahat 2030 dan memberikan tempoh yang sewajarnya bagi penempatan semula premis tersebut.

Pendapat Audit | Tiada koordinasi yang jelas antara PDBP dan MPBP menyebabkan pengeluaran lesen hiburan dan penempatan premis hiburan berada di luar kawasan zon hiburan yang ditetapkan.

5.2.3. Pengeluaran Lesen Tanpa Kelulusan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN)

- a. Perenggan 3 di dalam Surat Pekeliling Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Bil 1/2006, menetapkan permohonan lesen yang diluluskan di bawah bidang kuasa JKKN ialah lesen permainan *snooker/billiard*, lesen hiburan muzik/*karaokelive band*, semua jenis muzik terbuka kepada awam secara langsung atau rakaman, panggung wayang, lesen permainan *bowling* dan lanjutan masa lesen *liveband* dan *karaokelive band*.
- b. Semakan Audit mendapati PDKT telah meluluskan 12 lesen hiburan *liveband* pada tahun 2018 dan 2019 tanpa kelulusan di peringkat JKKN seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PENGELUARAN LESEN HIBURAN LIVEBAND TANPA KELULUSAN JKKN

BIL.	PREMIS	JENIS LESEN HIBURAN	KELULUSAN JKKN
1.	Premis 1 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada
2.	Premis 2 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada
3.	Premis 3 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada
4.	Premis 4 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada
5.	Premis 5 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada
6.	Premis 6 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada
7.	Premis 7 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada
8.	Premis 8 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada
9.	Premis 9 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada
10.	Premis 10 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada
11.	Premis 11 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada
12.	Premis 12 Bandar Penawar, Kota Tinggi	<i>Live Band</i>	Tiada

Sumber: Pejabat Daerah Kota Tinggi

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati lesen hiburan *liveband* yang dikeluarkan oleh PDKT adalah lesen bagi tempoh sementara sahaja iaitu untuk tempoh tiga bulan. Kelulusan mendapatkan lesen di peringkat JKKN mengambil tempoh masa yang lama menyebabkan PDKT telah mengeluarkan lesen sementara *liveband* kepada pelesen supaya pelesen tidak berniaga tanpa lesen. **Semakan Audit mendapati PDKT telah merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor bertarikh 27 September 2006 untuk membolehkan lesen sementara dikeluarkan. Bagaimanapun kelulusan ini adalah bertentangan dengan peraturan yang menetapkan kelulusan lesen hiburan adalah di bawah bidang kuasa JKKN.**

Maklum Balas PDKT yang Diterima pada 30 Disember 2021 dan 9 Mac 2022

Pentadbiran telah mengeluarkan Notis Peringatan kepada 12 pelesen untuk membuat permohonan baharu lesen hiburan *live band*. Sebanyak enam premis telah membuat permohonan baharu. PDKT telah mengeluarkan surat susulan pertama bertarikh 27 Februari 2022 bagi premis yang tidak membuat permohonan baharu. Jika premis gagal menghantar borang permohonan baharu *live band*, tindakan akan diambil di bawah Seksyen 6 Enakmen No 4 Tahun 1998, EHDTH 1998.

Pendapat Audit | Pengeluaran lesen sementara oleh pihak PDKT adalah bertentangan dengan Surat Pekeliling Jawatankuasa Kerja Keselamatan (JKKN) Bil. 1/2006.

5.2.4. Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Premis Hiburan

- PDBP dan PDKT ada melaksanakan pemantauan melalui operasi bersepadu bersama dengan agensi penguat kuasa seperti PDRM, Jabatan Imigresen dan PBT.
- Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, PDRM daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi telah melaksanakan Operasi Noda bagi kesalahan hiburan. Hasil operasi menunjukkan sebanyak 96 kesalahan berlaku di premis hiburan, 83 daripadanya melibatkan kesalahan premis hiburan di Batu Pahat dan 13 kesalahan di Kota Tinggi.
- Kesalahan yang telah dikenal pasti melibatkan hiburan tanpa lesen, langgar syarat atau sekatan, pas/permit warga asing telah batal, langgar arahan PBT dan langgar syarat/permit bagi warga asing. Selain itu, terdapat juga kesalahan di bawah penjualan *liquor* yang memabukkan secara runcit. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
JENIS KESALAHAN DI PREMIS HIBURAN BATU PAHAT DAN KOTA TINGGI
DARI TAHUN 2018 HINGGA 2021

JENIS KESALAHAN	PEJABAT DAERAH BATU PAHAT					PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI					JUMLAH KESALAHAN
	2018	2019	2020	2021	JUMLAH	2018	2019	2020	2021	JUMLAH	
Hiburan Tanpa Lesen	13	29	6	0	48	4	5	-	-	9	57
Langgar Syarat Atau Sekatan	6	8	-	-	14	-	-	-	-	-	14
Pas/Permit Warga Asing Batal	2	1	3	-	6	-	1	-	-	1	7
Langgar Arahan PBT	4	3	-	-	7	-	-	-	-	-	7
Warga Asing Langgar Syarat Pas/Permit	1	-	-	-	1	1	-	-	-	1	2
Tiada Tindakan Lanjut (NFA)	3	2	1	1	7	-	-	-	-	-	7
Penjualan liquor yang memabukkan secara runcit perlukan lesen	-	-	-	-	-	2	-	-	-	2	2
JUMLAH KESALAHAN	29	43	10	1	83	7	6	0	0	13	96

Sumber: Polis Diraja Malaysia, Daerah Batu Pahat dan Kota Tinggi

- d. Pihak Audit seterusnya mendapati PDRM telah menjalankan operasi penguatkuasaan bersepadu ke atas sebuah premis hiburan yang beroperasi tanpa lesen hiburan dan melebihi waktu yang dibenarkan dari tahun 2018 hingga 2020 seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU TERHADAP SEBUAH PREMIS
HIBURAN DI BATU PAHAT DARI TAHUN 2018 HINGGA 2020

BIL.	TAHUN	TARIKH OPERASI PENGUATKUASAAN	JENIS KESALAHAN	KEPUTUSAN
1.	2018	01.01.2018	Langgar Syarat atau Sekatan	Denda RM4,000
2.	2019	22.01.2019	Tiada Lesen Hiburan	Denda RM3,500
3.	2019	07.05.2019	Tiada Lesen Hiburan	Denda RM3,500
4.	2019	20.08.2019	Tiada Lesen Hiburan	Denda RM3,500
5.	2020	21.07.2020	Tiada Lesen Hiburan	Denda RM5,000

Sumber: Polis Diraja Malaysia

- e. Hasil operasi bersepadu menunjukkan denda telah dikenakan ke atas pemilik lesen dengan jumlah keseluruhan RM19,500. Namun begitu pihak Audit mendapati **tiada tindakan tegas dikenakan oleh Bahagian Pelesenan PDBP ke atas premis tersebut**. Semakan selanjutnya mendapati, lokasi premis tersebut adalah terletak dalam taman perumahan awam yang telah ditetapkan oleh MPBP sebagai kawasan zon hiburan iaitu di Taman Flora Utama dan Taman Setia Jaya.

Maklum Balas PDBP yang Diterima pada 28 April 2022

PDBP telah mengeluarkan surat amaran kepada premis yang beroperasi tanpa lesen hiburan dan beroperasi melebihi tempoh waktu yang dibenarkan. Premis telah diberikan peringatan supaya menghentikan operasi dan mengemukakan permohonan baru kepada pentadbiran PDBP. Surat amaran bagi premis beroperasi tanpa lesen hiburan dan beroperasi melebihi tempoh masa yang dibenarkan telah dikeluarkan oleh PDBP pada 30 Mac 2022.

Maklum Balas PDKT yang Diterima pada 30 Disember 2021

Pihak PDRM dalam Operasi Noda telah membuat penguatkuasaan di premis hiburan bagi kesalahan hiburan. Jika terdapat tangkapan, pihak PDRM memaklumkan kepada PDKT secara bertulis untuk semakan sama ada premis tersebut mempunyai lesen hiburan atau tidak.

Pendapat Audit | Aktiviti penguatkuasaan yang tidak disusuli dengan tindakan tegas terhadap pemilik premis menyebabkan berlakunya kesalahan berulang.

5.2.5. Deposit Tidak Dikenakan Bagi Kelulusan Lesen Hiburan dan Minuman Keras

- a. Perenggan 15(1) EHDTH 1998 menetapkan Pegawai Pelesen boleh, sebelum memberikan sesuatu lesen di bawah Enakmen ini, menghendaki mana-mana orang supaya memberikan cagaran, yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, dalam bentuk yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen untuk memastikan bahawa apa-apa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan adalah dipatuhi dengan sewajarnya.
- b. Perenggan 5.4.3 dan 7 dalam Surat Pekeliling Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Bil 1/2006, Peraturan Tatacara Memproses Lesen Hiburan dan Kawalan di Negeri Johor Darul Ta'zim, menetapkan pemohon hendaklah mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh Pegawai Pelesen termasuk membayar wang amanah yang ditetapkan oleh pegawai pelesen dan premis-premis hiburan yang dilesenkan diminta untuk membayar deposit antara RM10,000 hingga RM50,000 bergantung kepada kesesuaian tempat dan jenis lesen. Mesyuarat Lembaga Pelesenan Arak PDBP Bil 1/2019 menetapkan bayaran deposit minuman keras sejumlah RM2,000 dikenakan apabila permohonan lesen diluluskan dan mula berkuat kuasa pada tahun 2019.
- c. Semakan Audit mendapati **10 lesen panggung wayang dan tempat hiburan serta 34 lesen minuman keras yang telah diluluskan oleh PDKT dari tahun 2018 hingga 2021 tidak dikenakan bayaran deposit** seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
JUMLAH KELULUSAN LESEN HIBURAN DAN MINUMAN KERAS YANG TIDAK
DIKENAKAN DEPOSIT OLEH PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021

TAHUN	PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI	
	KELULUSAN LESEN PANGGUNG WAYANG DAN TEMPAT HIBURAN	KELULUSAN LESEN MINUMAN KERAS
2018	3	16
2019	3	14
2020	0	3
2021	4	1
JUMLAH	10	34

Sumber: Pejabat Daerah Kota Tinggi

- d. Anggaran Audit terhadap perkiraan deposit yang wajar dikutip untuk kelulusan 10 lesen hiburan bagi daerah Kota Tinggi pada kadar minimum RM10,000 adalah berjumlah RM100,000 bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021. Manakala bagi deposit untuk lesen minuman keras, tiada kadar deposit yang ditetapkan dalam peraturan Mesyuarat Lembaga Pelesenan Arak PDKT.
- e. **PDKT tidak mematuhi pekeliling yang ditetapkan oleh Kerajaan negeri kerana tiada pemantauan dan penguatkuasaan oleh Ketua Jabatan terhadap kakitangan yang bertanggungjawab untuk mengutip deposit daripada pemohon yang telah mendapat kelulusan.**

Maklum Balas PDKT yang Diterima pada 30 Disember 2021 dan 28 Februari 2022

Pentadbiran ini telah mengeluarkan surat kepada 39 pelesen tersebut supaya dapat membayar deposit bagi melengkapkan syarat-syarat lesen hiburan. Surat peringatan pembayaran deposit telah dikeluarkan pada 29 Disember 2021. Hasil semakan mendapati sembilan pelesen telah dibatalkan lesennya dan satu pelesen telah membayar deposit. Sebanyak 21 pelesen telah membuat bayaran deposit lesen hiburan dan minuman keras. Surat susulan pertama bertarikh 27 Februari 2022 telah dikeluarkan bagi lapan pelesen yang tidak menjelaskan deposit. Sekiranya premis tersebut masih gagal membuat bayaran deposit lesen hiburan tindakan boleh dikenakan di bawah EHDTHH 1998. Pentadbiran ini telah menetapkan kadar bayaran deposit yang dikenakan kepada pelesen yang telah mendapat kelulusan bagi lesen hiburan dan lesen minuman keras berkuat kuasa mulai 1 Mac 2022 iaitu RM1,000 hingga RM10,000 bagi lesen hiburan manakala RM1,000 hingga RM5,000 bagi lesen minuman keras.

Pendapat Audit | **Pengurusan kutipan deposit bagi PDKT perlu ditambah baik bagi mengelakkan berlakunya pelanggaran syarat oleh pelesen.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, industri hiburan telah membantu pertumbuhan ekonomi dan pelancongan sepertimana yang telah digariskan dalam PPMJ 2030. Di samping itu, ia turut membantu Kerajaan negeri menyumbang dalam sektor perkhidmatan dan infrastruktur awam di kawasan industri hiburan. Namun begitu, pengurusan lesen hiburan dan minuman keras di PDBP dan PDKT tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan,

antaranya disebabkan tempoh masa kelulusan lesen hiburan dan minuman keras tidak ditetapkan dalam mana-mana peraturan serta tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang kurang berkesan.

7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan lesen hiburan dan minuman keras dapat diurus dengan lebih cekap, berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan Bahagian Pelesenan PDBP dan PDKT mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 7.1. memastikan permohonan lesen hiburan dan minuman keras diuruskan mengikut peraturan yang ditetapkan di peringkat JKKD dan JKKN;
- 7.2. memastikan tempoh masa kelulusan lesen hiburan dan minuman keras ditetapkan di dalam mana-mana peraturan;
- 7.3. memastikan koordinasi yang jelas antara PBT dan Pejabat Daerah bagi proses pengeluaran lesen hiburan dan lesen perniagaan;
- 7.4. memastikan penempatan premis hiburan mengikut zon yang ditetapkan dalam RTD;
- 7.5. mewujudkan unit penguatkuasaan lesen hiburan untuk memastikan program penguatkuasaan dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan; dan
- 7.6. mematuhi peraturan yang berkuat kuasa terhadap kutipan deposit sebagai wang cagaran bagi kelulusan lesen hiburan dan minuman keras.